

**PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN TABUNG HAJI BERKAITAN**  
**PEMANSUHAN PENGGUNAAN BUKU AKAUN SIMPANAN**

1. Kenapa **TH** menghentikan penggunaan Buku Akaun Simpanan?  
**Inisiatif ini dilaksanakan bagi memudahkan pendeposit untuk melaksanakan transaksi TH dengan hanya mengemukakan kad pengenalan sahaja. Pendeposit tidak perlu risau akan penjagaan / kehilangan / kerosakan / terlupa membawa buku akaun bagi urusan di kaunter.**
  
2. Bilakah ia dikuatkuasakan?  
**23 Jun 2019**
  
3. Bagaimana urusan simpanan dan pengeluaran dapat dilakukan tanpa Buku Akaun Simpanan?  
**Prosedur semasa bagi transaksi simpanan dan pengeluaran tidak perlu mengemukakan Buku Akaun Simpanan. Oleh itu, dengan pemansuhan Buku Akaun Simpanan ini, pendeposit hanya perlu mengemukakan kad pengenalan sahaja semasa melakukan transaksi.**
  
4. Bagaimana urusan simpanan dan pengeluaran bagi anak-anak di bawah jagaan tanpa Buku Akaun Simpanan?  
**Prosedur semasa hanya membenarkan penjaga kepada akaun TH anak untuk melaksanakan transaksi tanpa perlu mengemukakan Buku Akaun Simpanan. Oleh itu, dengan pemansuhan Buku Akaun Simpanan ini, penjaga hanya perlu mengemukakan kad pengenalan penjaga sahaja semasa melaksanakan transaksi.**
  
5. Apa yang perlu dilakukan dengan Buku Akaun Simpanan sedia ada?  
**Pendeposit boleh menyimpan Buku Akaun Simpanan tersebut tetapi buku berkenaan tidak perlu dibawa untuk melaksanakan sebarang transaksi.**

6. Bagaimana untuk saya mengetahui baki akaun dengan transaksi terdahulu?

**Pendeposit boleh mengetahui baki semasa dan transaksi terdahulu di kaunter TH melalui:**

- **Pilihan 1: Penyata Mini yang memaparkan 5 transaksi terakhir.**
- **Pilihan 2: Penyata Akaun yang memaparkan maklumat transaksi secara terperinci.**

7. Apakah perbezaan antara Penyata Akaun dan Penyata Mini?

Bil.	Perkara	Penyata Akaun	Penyata Mini
1.	Caj permohonan penyata.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penyata tahun semasa: Percuma.</li> <li>- Penyata tahun bukan semasa: Caj RM 5.00 bagi setiap 6 bulan (Prosedur semasa).</li> </ul>	Percuma.
2.	Tempoh rekod transaksi pada penyata	Penyata Akaun akan memaparkan maklumat transaksi secara terperinci berdasarkan kepada tempoh permohonan penyata.	Penyata Mini akan memaparkan 5 transaksi terakhir.
3.	Paparan pada penyata	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama</li> <li>- Alamat</li> <li>- Tempoh permohonan penyata</li> <li>- No. Akaun TH</li> <li>- No. KP</li> <li>- No. KP Penjaga (jika ada)</li> <li>- Tarikh transaksi</li> <li>- Butiran Transaksi</li> <li>- Amaun Transaksi</li> <li>- Baki Semasa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Nama</li> <li>- No. Akaun TH</li> <li>- No. KP</li> <li>- Jenis Akaun</li> <li>- Maklumat Penjaga (jika ada)</li> <li>- Tarikh transaksi</li> <li>- Butiran Transaksi</li> <li>- Amaun Transaksi</li> <li>- Baki Semasa</li> <li>- Tarikh cetakan</li> <li>- Cawangan yang membuat cetakan</li> </ul>

8. Bagaimanakah cara pengaktifan akaun dorman apabila tiada Buku Akaun Simpanan?

**Bagi proses pengaktifan akaun dorman, pendeposit hanya perlu mengemukakan kad pengenalan sahaja.**

9. Bagaimanakah pendeposit ingin membuat pengesahan alamat yang direkodkan di dalam sistem sekiranya pendeposit tidak mengetahui rekod alamat yang didaftarkan kerana tidak mempunyai Buku Akaun Simpanan sebagai rujukan?

**Pendeposit boleh menyemak alamat yang direkodkan dalam sistem pada Penyata Akaun. Jika ia berlainan, maka pendeposit boleh memohon untuk mengemaskini alamat di kaunter TH seperti biasa.**

10. Bagaimanakah pendeposit ingin mendapatkan maklumat no. siri Buku Akaun Simpanan bagi urusan pengaktifan (link) kad ATM (Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank dan CIMB) dengan akaun TH ?

**Sejajar dengan pelaksanaan inisiatif ini, pendeposit tidak perlu lagi memasukkan no. siri Buku Akaun Simpanan bagi proses link kad ATM. Pendeposit hanya perlu memasukkan nombor akaun TH.**

SALURAN BANK	PROSES LINK KAD ATM
<ul style="list-style-type: none"> <li>• ATM Bank Islam</li> <li>• ATM Bank Rakyat</li> <li>• ATM CIMB</li> <li>• iRakyat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tidak perlu memasukkan no. siri Buku Akaun Simpanan bagi proses link kad ATM.</li> <li>- Hanya perlu memasukkan nombor Akaun TH.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• ATM Maybank</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Terdapat paparan pada skrin link kad untuk memasukkan no. siri Buku Akaun Simpanan.</li> <li>- Pendeposit perlu memasukkan "000000000" pada medan no. siri buku tersebut.</li> <li>- Pendeposit juga perlu memasukkan nombor Akaun TH.</li> </ul>

11. Bagaimanakah pendeposit boleh membuat semakan baki akaun sekiranya pendeposit tidak mempunyai akaun bank yang mempunyai kerjasama dengan TH iaitu Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank dan CIMB ?

**i) Pendeposit boleh memohon:**

**a) Penyata Mini di:**

- Mana-mana cawangan TH.
- Cawangan Bank Islam.
- Cawangan Bank Rakyat (pelaksanaan pada bulan Ogos 2019).

**b) Penyata Akaun di mana-mana cawangan TH.**

- ii) **Bagi pendeposit yang telah *link* kad ATM (Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank dan CIMB), baki akaun TH boleh disemak melalui:**
  - a) **ATM/CDM Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank atau CIMB.**
  - b) **Perbankan Internet Bank Islam, Bank Rakyat atau Maybank.**

12. Bagaimana sekiranya ibu-bapa saya yang kurang upaya hendak mengetahui baki akaun, adakah boleh mengetahui baki akaun melalui telefon di THCC atau bagaimana?

**a) Pihak ketiga boleh mendapatkan Penyata Akaun bagi pihak pendeposit dengan mengisi JP012 Borang Permohonan Salinan Penyata Akaun Simpanan dan permohonan ini boleh dibuat di mana-mana kaunter TH sahaja.**

**b) Baki akaun tidak boleh diperolehi melalui THCC.**

13. Adakah pihak ketiga diberi kebenaran untuk mendapatkan Penyata Mini bagi pendeposit sekiranya melampirkan bersama-sama surat kebenaran daripada pendeposit?

**Ya, pihak ketiga boleh mendapatkan Penyata Mini bagi pihak pendeposit dengan melampirkan bersama-sama JP028 Borang Kebenaran Wakil dan permohonan ini boleh dibuat di mana-mana kaunter TH sahaja.**